

Atlet SUKMA S'wak akan masuk Perkampungan Sukan Sabtu ini.

July 15, 2016, Friday

Borneo Post

KUCHING: Atlet SUKMA Ke-18 Sarawak akan mula memasuki Perkampungan Sukan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebaik dirasmikan pada Sabtu ini.

Pada majlis itu Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem akan menyerahkan bendera kontinjen negeri kepada Ketua Kontinjen merangkap Menteri Muda Belia dan Sukan, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah.

Atlet yang akan menetap di Perkampungan Sukan terdiri melibatkan acara bola sepak, angkat berat, basikal, tinju, boling padang, gimnastik artistik/gimrama, renang, terjun, olahraga, silat, hoki (lelaki dan wanita), memanah dan taekwondo.

Manakala atlet bagi acara golf, wushu, skuasy, petanque, terjun dan tenpin boling memilih untuk dikecualikan.

Turut dikecualikan atlet bagi acara perahu layar, karate, sepak takraw (Miri) badminton dan bola tampar (Sibu).

Sebelumnya, berlangsung majlis ringkas penyerahan bendera pada hari ini bermula jam 7.30 pagi yang akan disempurnakan oleh Abdul Karim sendiri dan dihadiri kira-kira 1,000 tetamu.

Semasa di perkampungan sukan, atlet terlibat akan turut serta dalam beberapa program sampingan seperti seminar, sesi tayangan video, perbincangan dan banyak lagi.

Untuk rekod, Stadium UNIMAS juga akan menjadi venue bagi pusingan kelayakan acara bola sepak yang bermula pada 19 Julai ini.

Ini termasuk acara memanah yang akan bermula dari 24 hingga 29 Julai.

Sebanyak 24 acara dipertandingkan pada SUKMA kali ini yang akan diadakan di Kuching, Samarahan, Sibu dan Miri.

Sarawak, Selangor dan Perak akan menyertai semua acara yang dipertandingkan.